


Alkitab untuk Anak-anak  
memperkenalkan



Tentera  
kecil  
Gideon



Allah menunjuk kepada Tuhan dalam Alkitab.

Penulis: Edward Hughes

Digambar oleh: Janie Forest; Alastair Paterson

Disadur oleh: Ruth Klassen

Diterjemahkan oleh: Julie TY

Dihasilkan oleh: Bible for Children  
[www.M1914.org](http://www.M1914.org)

©2021 Bible for Children, Inc.

Izin: Saudara mempunyai hak untuk membuat salinan atau  
mencetak cerita ini selagi ia bukan dijual.






Selepas Joshua meninggal dunia, semua orang Israel menderhaka dan berdosa kepada Allah. Tuhan membiarkan orang Midian membakar tanaman dan

rumah-rumah orang Israel. Orang Israel terpaksa tinggal di dalam gua.




Seorang Israel bernama Gideon mesti mempunyai tempat rahsia untuk menanam gandum. Dia mengirik gandum di tempat memeras anggur yang tersembunyi, di bawah sebuah pokok besar.




Orang Midian tidak tahu tempat itu, tetapi Allah tahu! Allah telah mengutus Malaikat dengan membawa satu pesanan untuk Gideon.



Allah mahu Gideon memusnahkan mazbah tuhan palsu yang dibina oleh bapanya dan membina mazbah untuk Allah yang benar. Walaupun Gideon takut orang kampungnya akan membunuhnya, dia melakukan apa yang diperintahkan oleh Allah.



Allah juga mahu Gideon memimpin tentera Israel menentang orang Midian yang jahat. Tetapi Gideon takut. Dia meminta tanda khas bahawa Tuhan akan menyertainya. Kemudian dia meletakkan guntingan kulit domba di atas tanah.





"Jika ada embun pada bulu sahaja, dan ia kering di atas tanah," Gideon berdoa, "maka saya akan mengetahui bahawa Anda akan menggunakan saya untuk menyelamatkan Israel, seperti apa yang telah Anda firmankan." Pada waktu pagi, tanah kering, tetapi KULIT BULU DOMBA ITU BASAH KUYUP!





Gideon masih ragu-ragu. Sekarang dia mahu Allah meletakkan embun di atas tanah tetapi tidak pada kulit domba itu. Keesokan harinya - tanah dibasahi embun, tetapi **KULIT BULU DOMBA KERING!**



Gideon bermula dengan 32,000 orang tentera. Allah mengurangkan bilangan itu kepada 300 orang sahaja. Allah tidak mahu Israel mengatakan "tangan mereka telah menyelamatkan mereka sendiri." Hanya Allah sahaja Juruselamat Israel.


~~32000~~

~~10000~~

300 ✓




Mengetahui Gideon masih takut, Allah membolehkan dia mendengar perbualan seorang askar Midian memberitahu yang lain tentang mimpi peliknya. Dalam mimpi itu, sebuku roti terguling masuk ke dalam khemah Midian dan memusnahkan khemah itu.




Pengawal lain dalam ketakutan. "Ini adalah ... pedang Gideon ..." dia menjawab. Apabila Gideon mendengar tentang mimpi dan maksudnya, dia tahu Allah akan memberikan dia kemenangan.



Gideon merancang satu serangan malam. Dia memberi setiap askarnya sebuah trompet dan buyung yang diisi obor-obor di dalamnya. Mereka mengelilingi khemah tentera Midian.




Pada isyarat Gideon, askar meniup trompet mereka, menghancurkan buyung mereka dan menyalakan obor-obor mereka. Bukan main bising! Musuh berkeliruan! Orang Midian takut dan melarikan diri.




Selepas kemenangan besar ini, orang-orang Israel meminta Gideon menjadi pemimpin mereka. "Saya tidak akan menjadi pemimpin kamu .. Allah Maha Berkuasa yang akan memerintah kamu semua,"

jawab  
Gideon.



Dia tahu bahawa hanya Allah sahaja yang mempunyai hak untuk memerintah kehidupan manusia.





# Tentera kecil Gideon

satu cerita dari Firman Tuhan, Alkitab,

terdapat dalam

Hakim-Hakim 6-9

"Bila tersingkap, firman-firman-Mu memberi terang, memberi pengertian kepada orang-orang bodoh." Mazmur 119:130



TAMAT



Alkitab memberitahu kita tentang Allah kita yang hebat yang membentuk kita dan ingin kita mengenali Dia.

Allah tahu kita telah melakukan banyak perkara buruk yang dipanggil dosa. Hukuman bagi dosa adalah maut tetapi Allah sangat mengasihi kita. Dia telah mengutus AnakNya yang tunggal, Yesus, mati di kayu Salib dan dihukum kerana dosa-dosa kita. Kemudian Yesus bangkit dan hidup kembali; dan pulang ke syurga! Jika anda percaya kepada Yesus dan meminta Dia mengampuni dosa-dosa kamu, Dia akan melakukannya! Dia akan datang dan tinggal di dalammu sekarang, dan anda akan hidup bersamaNya untuk selama-lamanya.

Jika anda percaya ini adalah benar, katakan ini kepada Allah: Tuhan Yesus, saya percaya bahawa Anda adalah Allah, dan menjadi seorang manusia yang mati untuk dosa saya, dan kini Anda hidup sekali lagi. Sila datang ke dalam hidup saya dan mengampuni dosa saya, supaya saya dapat memiliki satu hidup baru, dan satu hari nanti akan ku bersama dengan Anda selama-lamanya. Bantu saya untuk mentaati Anda dan hidup sebagai anakMu. Amin.

Baca Alkitab dan berbicara dengan Allah setiap hari! Yohanes 3:16

